

MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS KETUA CAWANG KEJURUTERAAN PU SUBANG

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4353-majlis-serah-terima-tugas-ketua-cawang-kejuruteraan-pu-subang

SUBANG, 9 Jan 19 - Majlis Serah Terima Tugas Ketua Cawang Kejuruteraan Pangkalan Udara Subang diantara Lt Kol Mohammad Yazzed bin Akhmat TUDM dan Mej Mohamad Syahrulnizam bin Mohamad Yusop TUDM telah diadakan di Hangar Cawang Kejuruteraan PU Subang.

Majlis Serah Terima tugas itu telah disaksikan oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM, Peg Laksana Pangkalan, Kol Mohd Azwan bin Pohari TUDM, barisan eksekutif pangkalan serta semua warga Cawang Kejuruteraan PU Subang. Lt Kol Mohammad Yazzed bin Akhmat TUDM akan bertukar keluar untuk berkursus di Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) bagi menjalani Kursus Sarjana Sains Sosial (Pengajian Pertahanan) Siri 29/19.

